

## **BIMB PERKUKUH KOMITMEN ESG SEBAGAI RAKAN PENGASAS 'ESG BOOK'**

*Sebuah platform digital bertujuan menggalakkan ketelusan dan pendedahan  
kemampuan serta tatalaku korporat mampan, selaras dengan prinsip VBI*

**KUALA LUMPUR, Rabu, [22 Disember 2021]:** Bank Islam Malaysia Berhad ("BIMB" atau "Bank") menjadi salah satu rakan pengasas dan institusi perbankan Islam Malaysia pertama dalam satu pakatan global yang membentuk masa hadapan data berkaitan Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir urus ("ESG") menerusi pelancaran *ESG Book*.

Ia merupakan sebuah platform percuma dibangunkan oleh Arabesque yang berperanan sebagai sumber utama baharu maklumat kemampuan korporat digital dan mudah diakses bagi menyediakan rangka kerja maklumat ESG neutral dalam masa nyata (real-time), di samping menggalakkan aspek ketelusan selain menyokong 10 Prinsip Kompak Global Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu ("UNGC"). Arabesque adalah sebuah firma pengurusan aset dan data global yang dilengkapi dengan teknologi kecerdasan buatan ("AI") canggih serta penyelidikan berkaitan kemampuan. Pakatan *ESG Book* ini memanfaatkan peralatan keupayaan pelaburan kuantitatif, kemampuan dan saringan ESG berasaskan AI termaju daripada Arabesque.

Ahli-ahli pakatan global tersebut termasuk International Finance Corporation, UNCTAD, Global Reporting Initiative, Bridgewater Associates, Swiss Re, HSBC, Deutsche Bank, HKEX, Allianz, Glass Lewis, Cardano Development, QUICK, Goldbeck, Werte Stiftung, Climate Leadership Coalition, Climate Governance Initiative, Climate Policy Initiative, Climate Bonds Initiative, Responsible Jewellery Council dan GeSI.

Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan BIMB, Mohd Muazzam Mohamed berkata, "Kekurangan pendedahan, akses terhadap data ESG yang tidak konsisten telah memperlambatkan penyediaan peruntukan modal ke arah aktiviti-aktiviti perniagaan rendah karbon dan mampan. Tindakan segera perlu diambil untuk menangani perkara yang mendesak ini. BIMB percaya bahawa usaha dan pendekatan bersepadu seperti penyediaan *ESG Book* berupaya untuk membawa perubahan positif besar, bukan sahaja kepada ekonomi domestik, malah di peringkat global."

Beliau menambah, "Sebagai sebuah institusi perbankan Islam, kami berpegang kepada objektif (maqasid) Syariah iaitu memelihara alam sekitar, menggalakkan impak sosial positif dan pematuhan tadbir urus yang baik. Amalan-amalan ini telah menjadi sebahagian daripada DNA Bank sejak penubuhannya pada tahun 1983. Dalam

merancang masa hadapan BIMB, kami berhasrat untuk menjadi peneraju penyediaan penyelesaian kewangan lengkap Syariah-ESG dan aspirasi tersebut digarap dalam pelan perniagaan kami. BIMB amat berbesar hati menjadi sebahagian daripada usaha ini di mana ia akan membolehkan pemegang taruh membuat keputusan bermaklumat demi manfaat sejagat."

Pengerusi Arabesque, Georg Kell, berkata, "Kini jelas terdapat peningkatan keperluan untuk data ESG yang mudah diakses, boleh dibuat perbandingan dan telus bagi mempercepatkan peralihan global kepada masa hadapan yang lebih mampan. *ESG Book* adalah penyelesaian digital baharu yang menghubungkan syarikat, pelabur dan semua pemegang taruh bagi pendekatan lebih tersusun dan berpusat terhadap kemampanan korporat. Kami berbesar hati mengalu-alukan Bank Islam sebagai Rakan Pengasas *ESG Book* ini."

Dilancarkan pada 1 Disember 2021, *ESG Book* tersedia kepada semua perniagaan, pelabur, penyetap standard dan pemegang taruh yang lain. Ia berpandukan lima prinsip dalam misi membentuk data ESG demi manfaat awam:

- i. Pengguna bertanggungjawab terhadap data mereka;
- ii. Ketelusan penggunaan data dan interaksi membolehkan penyediaan laporan yang lebih bermakna;
- iii. Boleh diakses dan tidak berat sebelah;
- iv. Rangka kerja yang neutral
- v. Memudahkan tugas pelaporan.

Penyelesaian digital baharu itu akan memperkemas dan menyelaraskan maklumat dalam satu platform serta menggalakkan pelbagai pihak untuk mengguna pakai dan mengintergrasikan ESG secara menyeluruh. Ia akan membolehkan mereka bertindak balas segera terhadap pasaran dan persekitaran kawal selia yang sentiasa berubah.

Mohd Muazzam berkata lagi, "BIMB teruja untuk menjadi sebahagian daripada inisiatif global dalam menggalakkan pendedahan dan ketelusan berkaitan kemampanan, di samping menggalakkan budaya korporat yang lebih mampan selaras dengan prinsip Pengantaraan Berasaskan Nilai ("VBI") yang diterapkan. *ESG Book* memperkukuh lagi komitmen ESG BIMB untuk memastikan masa hadapan yang mampan untuk semua."

Untuk maklumat lanjut mengenai *ESG Book*, sila layari laman sesawang [www.esgbook.com](http://www.esgbook.com).

---

#### **Mengenai Bank Islam Malaysia Berhad**

Bank Islam adalah institusi perbankan Islam pertama di Malaysia yang disenaraikan di Papan Utama, Bursa Malaysia Berhad. Ditubuhkan pada bulan Julai 1983 sebagai institusi perbankan Islam pertama di Malaysia, Bank Islam mempunyai 141 cawangan dan lebih daripada 900 terminal layan diri di seluruh negara. Sebagai institusi perbankan Islam lengkap dan tulen, Bank Islam menyediakan penyelesaian perbankan dan

kewangan yang mematuhi undang-undang dan prinsip Syariah dengan ketat serta komited terhadap hasrat kemakmuran lestari dan nilai-nilai ESG. Anak syarikat utama Kumpulan Bank Islam adalah perintis dalam pelbagai perkhidmatan kewangan Islam, termasuk pelaburan dan pembrokeran saham, iaitu BIMB Investment Management Berhad dan BIMB Securities Sendirian Berhad.

Untuk maklumat lebih lanjut mengenai produk dan perkhidmatan kumpulan Bank Islam, layari [www.bankislam.com](http://www.bankislam.com) atau hubungi Pusat Panggilan Bank Islam di 03-26 900 900.

**Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:**

<p><b>Rohazida Mohamed</b> Ketua Komunikasi Korporat Kumpulan Bank Islam Malaysia Berhad Aras 31, Menara Bank Islam No. 22, Jalan Perak 50450 Kuala Lumpur Tel. bimbit: 012-231 8602 Emel: <a href="mailto:rohazidam@bankislam.com.my">rohazidam@bankislam.com.my</a></p>	<p><b>Omar Atin</b> Pengurus Kanan Komunikasi Korporat Kumpulan Bank Islam Malaysia Berhad Aras 31, Menara Bank Islam No. 22, Jalan Perak 50450 Kuala Lumpur Tel. bimbit: 019-391 9144 Emel: <a href="mailto:omar@bankislam.com.my">omar@bankislam.com.my</a></p>
---	---